

31/08/1997

Pelbagai pemimpin utus tahniah

KUALA LUMPUR: Pelbagai pemimpin dari dalam dan luar negara menyampaikan perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan ke-40 negara hari ini.

Perdana Menteri Tonga, Baron Vaea dalam perutusannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berdoa agar Malaysia akan terus menikmati kemakmuran dan keamanan.

Perdana Menteri Tuvalu, Bikenibeu Paeniu, dalam perutusannya kepada Dr Mahathir pula berkata negaranya menghargai hubungan erat kedua-dua negara itu.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, dalam perutusannya menggesa kerajaan melancarkan kempen "IT Untuk Semua" bagi membantu rakyat menyertai dan bersaing dalam revolusi maklumat.

Presiden Aliran, P Ramakrishnan berkata setiap rakyat negara ini seharusnya berbangga menjadi rakyat Malaysia dan membesar dengan mengecapi keamanan, toleransi, prihatin, kerja keras dan inovatif.

(END)